



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**NO. 18 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: 03-8880 5650 / No. Faks: 03-8880 5646

LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

**PENGARANG, MEJA BERITA**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

### **KENYATAAN MEDIA**

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menjunjung kasih atas titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada Rabu, 28 Julai 2021 yang telah menzahirkan kebimbangan terhadap aktiviti rasuah atau pecah amanah yang boleh meruntuhkan imej pentadbiran dan nama baik pegawai Kerajaan di Negeri Selangor.

EAIC menyanjung tinggi pendirian dan ketegasan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam memastikan aktiviti rasuah atau pecah amanah di Negeri Selangor dapat dibentaras.

Sehubungan dengan itu, EAIC selaku agensi yang bertanggungjawab mengawal selia pematuhan integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], dengan penuh iltizam akan meningkatkan usaha memperkasakan budaya berintegriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di bawah seliaan EAIC di Negeri Selangor dan seluruh negara amnya selaras dengan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

**Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)**

**29 Julai 2021**